

1982

KUNDASANG (SABAH), 29 OGOS (BERNAMA)--DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS GURU-GURU AGAMA YANG MENGAMALKAN AJARAN-AJARAN MENGELIRUKAN SEHINGGA BOLEH MENJEJASKAN PERKEMBANGAN DAN PERPADUAN UMAT ISLAM.

AJARAN SEPERTI TIDAK MEMBOLEHKAN MENONTON TV DAN MENGGUNAKAN KERUSI MEJA ADALAH KARUT, KATA PERDANA MENTERI KETIKA BERUCAP DI MAJLIS PENGISLAMAN SERAMAI 423 SAUDARA BARU DI SINI.

KATANYA PERBUATAN GURU-GURU AGAMA ITU BUKAN SAHAJA MENAKUTKAN ORANG LAIN DARI PADA MEMELUK ISLAM MALAHAN AKAN MENGAKIBATKAN ORANG ISLAM YANG LEMAH IMAN MENINGGALKAN AGAMA MEREKA.

PERBUATAN GURU-GURU ITU DENGAN MEMESONG AJARAN SEBENAR MERUPAKAN SATU PENGKHIANATAN TERHADAP AGAMA, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN AGAMA ISLAM ADALAH AGAMA YANG +FLEXIBLE+ DAN BUKAN NEGATIF YANG MENEGAH UMATNYA DARIPADA BERBUAT SESUATU. --LAGI 1856/HM

B656

PM - ISLAM 2 KUNDASANG (SABAH)

BELIAU BERKATA SETIAP AGAMA MEMPUNYAI LARANGAN-LARANGAN YANG BERTUJUAN MEMBERI KEBAIKAN KEPADA PENGANUT MASING-MASING.

AGAMA ISLAM IALAH AGAMA SEPANJANG ZAMAN DAN MENDORONG UMATNYA UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN.

BELIAU MENYERU UMAT ISLAM TERUTAMA SAUDARA-SAUDARA BARU SUPAYA JANGAN TERPENGARUH OLEH TAFSIRAN SALAH YANG DISEBARKAN OLEH SETENGAH-SETENGAH GURU AGAMA.

TURUT HADIR DI UPACARA ITU IALAH KETUA MENTERI SABAH DATUK HARRIS SALLEH DAN ORANG-ORANG KENAMAAN LAIN.

ANTARA 423 ORANG YANG MENYERTAI UPACARA ITU IALAH SEORANG TOKOH SIDANG INJEL BORNEO ENCIK SAIDI AWANG.

KEBANYAKAN SAUDARA-SAUDARA BARU ITU TERDIRI DARI PADA KAUM DUSUN DI SEKITAR DAERAH INI. --LAGI 1900/HM

B657

PM- ISLAM 3 KUNDASANG (SABAH)

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENGHADIRI SATU LAGI MAJLIS PENGISLAMAN SERAMAI 755 ORANG SAUDARA BARU DI TAMBUNAN, BAHAGIAN PEDALAMAN SABAH.

BELIAU MEMBIDAS PIHAK-PIHAK DI DALAM DAN LUAR NEGERI YANG MEMBU-ROK-BURUKKAN AGAMA ISLAM DENGAN MENGATAKAN AGAMA ISLAM SEBAGAI ANTI-KEMAJUAN.

MENURUT PERDANA MENTERI, AGAMA ISLAM IALAH AGAMA SEJAGAT DAN SESUAI UNTUK SEMUA ZAMAN.

MASYARAKAT ISLAM TIDAK MENEKAN PIHAK LAIN DAN BERHARAP MEREKA TIDAK AKAN +MENEKAN KITA,+ KATANYA. --BERNAMA 1902/HM